

15 JAN 2001

Agong-Galeri (Bergambar)

AGONG, PM DAN MENTERI LAWAT GALERI DIRAJA SULTAN ABDUL AZIZ

KLANG, 15 Jan (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta beberapa menteri hari ini melapangkan masa bersama mengunjungi Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz di Kampung Jawa, di sini.

Galeri itu, yang mula dibuka kepada umum Nov lepas, merupakan satu tarikan terbaru pelancongan di Bandar Diraja ini yang mempamerkan pelbagai koleksi Seri Paduka, antaranya koleksi pelbagai keris baginda.

Antara tarikan utama pameran ialah tengkorak kepala buaya sepanjang 22 kaki yang pernah mengganas di Sungai Klang tetapi akhirnya "menyerah diri" dalam masa pertabalan baginda sebagai Sultan Selangor pada tahun 1961.

Seri Paduka, yang diiringi Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah, memberikan sendiri penerangan mengenai bahan pameran dan sejarah penubuhan galeri itu yang bertempat di kawasan istana dan diilhamkan oleh Seri Paduka sendiri.

Sepanjang kira-kira sejam lawatan ke galeri itu, Seri Paduka juga menunjukkan koleksi kereta-kereta lama baginda kepada Dr Mahathir, yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin; dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak turut melawat.

Turut serta dalam lawatan itu ialah Menteri Besar Selangor Datuk Dr Mohamed Khir Toyo, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Datuk Ambrin Buang.

Seri Paduka dan Tuanku Siti Aishah kemudiannya meraikan para pelawat kenamaan itu pada majlis santapan di Istana Kenangan yang berdekatan.

-- BERNAMA

MNY AZZ ZB